

AGENDA 14

Membentang Dan Menimbang Usul-
Usul Perwakilan

MAPT KE-44

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk makluman perwakilan mengenai usul-usul yang diterima dan penjelasan serta ulasan Lembaga mengenainya.

LATAR BELAKANG

2. Setiausaha telah mengedarkan borang usul kepada perwakilan melalui surat Bil. (38)KPFMB/PO(KA)/02 bertarikh 28 Februari 2025 untuk perwakilan mengemukakan usul-usul jika ada sebelum atau pada 31 Mac 2025. Sehingga tarikh akhir mengemukakan usul, sebanyak 11 usul telah diterima daripada perwakilan.

ULASAN LEMBAGA

3. Setelah meneliti kesemua usul yang diterima, Lembaga mendapati usul-usul yang diterima meliputi aspek-aspek berikut:

- (a) usul yang tidak boleh dipertimbangkan kerana bercanggah dengan Undang-undang Kecil (UUK); dan
- (b) usul yang berupa cadangan bagi urusan pentadbiran dan aktiviti.

4. Ulasan Lembaga kepada usul-usul yang dikemukakan perwakilan adalah seperti di **Lampiran 1**.

SYOR

5. Adalah disyorkan:

- (a) usul-usul atau cadangan yang dikemukakan yang berkaitan dengan urusan pentadbiran dan aktiviti akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan; dan
- (b) perwakilan mengambil maklum mengenai penjelasan dan ulasan Lembaga berkaitan usul-usul serta cadangan yang diterima.

6. Agenda ini dibentangkan untuk makluman perwakilan.

MAPT KE-44

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
1	Urusan Pembelian/ Penjualan Syer (a) Pengeluaran syer bagi anggota-anggota yang berusia 70 tahun ke atas diproses dan dibayar ke akaun bank anggota dalam tempoh tidak melebihi 10 hari dari tarikh permohonan. (b) Kelulusan penjualan saham/ syer dipercepatkan. (c) Tempoh jualan saham diselesaikan dalam tempoh 30 hari. Sekiranya KPF gagal atau lewat membuat bayaran, denda terhadap KPF dibayar kepada pemegang saham. (d) Penjualan saham boleh dilakukan pada bila-bila masa.	Pencadang: Mohd Fauzi bin Abdullah (Felda Sungai Klah) Penyokong: Norfazilah binti Dahari (Felda Sungai Klah) Pencadang: Nahrowi bin Yatni (Felda Keratong 6) Penyokong: Awang bin Mat Isa (Felda Keratong 6) Pencadang: Sufian bin Mohamad Don @Yaacob (Felda Sungai Kelamah) Penyokong: Azizul bin Aziz (Felda Sungai Kelamah) Pencadang: Gan Kean San (Felda Palong 4) Penyokong: Wong Swee Thien (Felda Palong 4)	Lembaga telah menerima banyak aduan dan rungutan daripada anggota berkaitan kelewatan bayaran permohonan pengeluaran syer oleh anggota. Semenjak penubuhan anggota boleh mengeluarkan syer melebihi nilai minima pada bila-bila masa selepas tamat tempoh 12 bulan. Amalan ini adalah tidak selari dengan UUK 59 dan UUK 60. Perkara tersebut akan dibincangkan dalam Agenda 13. Walau bagaimanapun untuk permohonan pengeluaran syer yang telah dibuat, Lembaga kini sedang melaksanakan proses rasionalisasi aset pelaburan untuk memenuhi obligasi tersebut secara berperingkat mengikut jangkaan kemasukan tunai.

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
2	Pelaburan & Perniagaan (a) Menangguhkan cadangan penjualan aset perladangan Samarahan.	Pencadang: Dr. Othman bin Chin (Felda Keratong 4) Penyokong: Zainuddin bin Mohd Said (Felda Keratong 5)	Pada MAPT Ke-43 yang lalu, Lembaga telah membentangkan pelan rasionalisasi aset pelaburan merangkumi tiga (3) strategi utama: (a) cadangan pelupusan aset perladangan (Samarahan); (b) penstrukturan aset pelaburan dalam syarikat bersekutu (Kumpulan FGV); dan (c) pelupusan sebahagian aset hartanah yang tidak berpotensi. Pelan rasionalisasi aset pelaburan ini adalah untuk: (a) menyelesaikan isu pengeluaran modal syer yang tinggi dan tertunggak; dan (b) pelan strategik pendapatan mampan jangka panjang.
	(b) KPF perlu mencari ruang dan peluang untuk memajukan koperasi.	Pencadang: Sufian bin Mohamad Don @Yaacob (Felda Sungai Kelamah) Penyokong: Azizul bin Aziz (Felda Sungai Kelamah)	Lembaga dan barisan pengurusan sentiasa meneroka peluang-peluang pelaburan dan perniagaan dalam memastikan kelangsungan pulangan yang baik dan munasabah kepada KPF. Lembaga mengalu-alukan cadangan dan pandangan daripada anggota untuk kemajuan KPF.
3	Anggota Lembaga (a) Pemilikan minimum bagi semua ALK sekurang-kurangnya 10,000 unit saham KPF.	Pencadang: Dr. Othman bin Chin (Felda Keratong 4) Penyokong: Zainuddin bin Mohd Said (Felda Keratong 5)	Kelayakan menjadi anggota Lembaga adalah seperti yang digariskan dalam UUK 37 tertakluk kepada Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (GP3). Dalam gerakan koperasi, anggota adalah terbuka untuk menjadi anggota Lembaga tertakluk kepada kriteria yang sesuai tanpa mengambil kira status pemilikan modal syer.

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
4	Penyata Modal Syer (a) Membenarkan pencarum membuat pilihan bagi mengeluarkan penyata saham sama ada melalui <i>hardcopy</i> yang diberikan melalui pejabat atau melalui email. Hal ini kerana ramai pencarum yang berusia tidak mampu untuk mengakses internet dan memerlukan kebergantungan kepada pihak yang lain.	Pencadang: Syed Mohd Naguib bin Syed Ibrahim (Felda Bukit Tangga) Penyokong: Ahmad bin Man (Felda Bukit Tangga)	Dalam mendepani era digitalisasi, KPF telah menyediakan satu platform iaitu portal https://mykpfonline.kpf.my untuk memudahkan anggota menyemak status modal syer dan perkara-perkara berkaitan dengannya pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, bagi anggota yang memerlukan penyata saham secara <i>hardcopy</i>, boleh menghubungi Jabatan Operasi & Keanggotaan KPF melalui: (a) telefon: 03-2694 2095 (b) email: kpfanggota@felda.net.my (c) WhatsApp: 019-266 6348

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
5	Dividen (a) Pembayaran dividen dibuat seperti tahun-tahun yang lepas iaitu sekitar bulan Julai berbanding sekarang yang dibayar sekitar bulan Oktober. Hal ini menyebabkan urusan perbelanjaan keluarga menjadi tertunggak kerana awal tahun banyak perbelanjaan dibuat bagi mereka yang bergantung sepenuhnya kepada dividen saham tersebut. (b) Dividen anggota yang telah meninggal dunia dapat dibayar. (c) Kaji semula bayaran dividen kepada anggota kerana bayaran yang diterima oleh anggota semakin berkurang.	Pencadang: Syed Mohd Naguib bin Syed Ibrahim (Felda Bukit Tangga) Penyokong: Ahmad bin Man (Felda Bukit Tangga) Pencadang: Nahrowi bin Yatni (Felda Keratong 6) Penyokong: Awang bin Mat Isa (Felda Keratong 6) Pencadang: Sufian bin Mohamad Don @Yaacob (Felda Sungai Kelamah) Penyokong: Azizul bin Aziz (Felda Sungai Kelamah)	Bayaran dividen tahunan dibuat tertakluk kepada: (a) kelulusan MAPT (dalam keadaan kadar dividen 10% dan ke bawah menggunakan keuntungan tahun semasa, kebiasaan pada bulan Julai); dan (b) kelulusan MAPT dan tertakluk kepada kelulusan SKM (dalam keadaan penggunaan lain-lain sumber seperti keuntungan terkumpul, kebiasaannya mengambil sedikit masa untuk kelulusan SKM). Jawatankuasa Syariah KPF telah menetapkan bagi anggota yang meninggal dunia masih dikira sebagai layak menerima dividen untuk tahun semasa kematian. Dalam masa enam (6) bulan selepas anggota meninggal dunia, waris perlu memaklumkan kepada KPF untuk penyelesaian wang anggota. Namun dalam keadaan jika waris gagal membuat pemakluman, KPF berhak untuk memperlakukan modal syer sebagai dana <i>Qard</i> (pinjaman yang tidak bayar dividen) sehingga KPF melupakan modal syer mengikut Fasal 1(d) UUK 24 kepada pewaris. Kadar bayaran dividen tahunan adalah tertakluk prestasi kewangan aktiviti pelaburan dan perniagaan dalam tahun semasa. Lembaga dan barisan pengurusan telah merangka pelan strategik dan hala tuju KPF untuk memastikan kelangsungan pulangan dividen yang baik dan munasabah untuk tahun-tahun ke hadapan.

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
6	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) (a) Bagi anggota-anggota koperasi yang hadir mesyuarat diberikan insentif berupa wang tunai.	Pencadang: Syed Mohd Naguib bin Syed Ibrahim (Felda Bukit Tangga) Penyokong: Ahmad bin Man (Felda Bukit Tangga)	Anggota perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dibayar elaun mesyuarat mengikut lokasi dan jarak. Elaun mesyuarat tersebut dikreditkan ke dalam akaun perwakilan yang berdaftar setelah MAPT selesai.

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
7	Proses Tuntutan (a) Mencadangkan Syarat dan Proses Tuntutan pusaka dipermudahkan. i. Amaun saham peninggalan ahli yang telah meninggal dunia dibayar terus kepada pentadbir atau sesiapa yang berhak menerimanya sepertimana keputusan perbicaraan pusaka kecil. Pihak penerima kemudiannya akan mengagihkannya kepada pewaris-pewaris simati. ii. Bagi saham peninggalan simati berjumlah RM10,000 ke bawah tidak perlu dimasukkan di dalam pusaka kecil/Amanah Raya Berhad. Pentadbir atau waris simati perlu mengemukakan sijil kematian, Salinan kad pengenalan waris yang menuntut, surat persetujuan waris-waris lain melantik salah seorang daripada mereka sebagai wakil mereka dan surat akuan sumpah yang ditandatangani oleh waris yang menuntut. (b) Keperluan meminta 2 dokumen kematian tidak relavan i. Cadangan syarat tersebut diubah kepada penyerahan Salinan sijil kematian atau sijil pengkebumian sahaja (salah satu). Jika sijil kematian belum dikeluarkan, maka boleh menggunakan sijil pengkebumian.	Pencadang: Hisamuddin bin Yaacob (Felda Taib Andak) (koperasi) Penyokong: Rohaizah binti Kamaron (Felda Taib Andak)	Menurut UUK 18 perihal penama menggariskan perkara-perkara berikut: (a) seseorang anggota muslim hendaklah menamakan wakil disisi undang-undang untuk menerima setelah dia mati, wang yang terhak baginya di dalam koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikuti hukum islam; (b) seseorang anggota bukan muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama; (c) seseorang anggota boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu; dan (d) penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi koperasi. Dalam keadaan anggota meninggal dunia, modal syer miliknya akan dibayar kepada penama/pentadbir yang dilantik (berdasarkan Borang Penama KPF012) dan penama/pentadbir adalah bertanggungjawab untuk mengagihkannya kepada waris yang berhak.

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
8	Keanggotaan (a) Pindaan fasal 11 (a) – penambahan generasi baharu FELDA (anak, cucu, cicit) layak menjadi anggota KPF. (b) Pindaan fasal 11 (a) – penambahan koperasi-koperasi yang ditubuhkan keanggotaannya oleh Generasi Baharu FELDA layak menjadi anggota. (c) Pindaan memasukkan tafsiran Generasi Baru FELDA adalah anak, cucu, cicit atau generasi kedua, ketiga dan seterusnya keluarga peneroka FELDA termasuk pasangan (suami/ isteri) apabila tidak lagi menjadi pasangan, keahlian terhenti.	Pencadang: Muhammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) Penyokong: Norzehah binti Maddiah (Felda Palong 6)	Lembaga akan mengkaji kesesuaian cadangan ini dan jika sesuai akan diangkat ke Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) sebelum dipertimbangkan kelulusannya di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) pada masa hadapan.
9	Mesyuarat Agung Kawasan (a) Mencadangkan anggota yang hadir ke Mesyuarat Agung Kawasan tiap-tiap 2 tahun sekali diberi elaun yang setimpal (Cadangan RM20.00 ke RM50.00).	Pencadang: Mohd Rizuan bin Zakaria (Felda Gunung Bongsu) Penyokong: Nabilah binti Hamzah (Felda Gunung Bongsu)	Menurut Peraturan 17 Peraturan-peraturan Koperasi 2010 (PPK), MAK perlu diadakan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum MAPT pada setiap tahun. Lembaga akan mempertimbangkan kesesuaian cadangan ini bergantung kepada kedudukan kewangan.
10	Lain-lain (a) Pertanyaan mengenai wang pemberian sebanyak RM10,000 yang telah diumumkan oleh Dato' Sri Najib Tun Razak sebelum ini.	Pencadang: Syed Mohd Naguib bin Syed Ibrahim (Felda Bukit Tangga) Penyokong: Ahmad bin Man (Felda Bukit Tangga)	Berdasarkan pertanyaan yang diberikan, Lembaga beranggapan ini adalah Skim Pinjaman Koperasi (SPIKOP) berjumlah RM10,000 yang dikeluarkan berperingkat-peringkat bermula 2006 - 2007 (Nilai antara RM1,000 hingga RM2,000 melibatkan 29,788 peneroka terpilih). Program ini telah ditamatkan pada tahun 2007 (Matang pinjaman 2017).

Bil	Usul/ Cadangan	Pencadang/ Penyokong	Penjelasan/ Ulasan
11	Aktiviti (a) Mohon pembinaan ramp sawit di Felda Sungai Kelamah dan Felda yang berhampiran. Tapak telah diluluskan.	Pencadang: Sufian bin Mohamad Don @Yaacob (Felda Sungai Kelamah) Penyokong: Azizul bin Aziz (Felda Sungai Kelamah)	Cadangan tapak pembinaan Pusat Mengumpul Sawit (PMS) didapati tidak sesuai. KPF dan pengurusan FELDA sedang dalam proses penilaian semula keperluan pembangunan PMS di Sungai Kelamah. PMS bedekatan adalah di Felda Jelai 2.